


IQRA'

BIL. 10/2025
OKTOBER



Program Alumni Talk 2025

Disediakan oleh : Hamidah Mohd, Pembantu Pustakawan Kanan (Perpustakaan Sultan Badlishah)

Tarikh : 12 Oktober 2025

Masa ; 8.00 pagi hingga 10.30 malam



Perpustakaan Sultan Badlishah dengan kerjasama ICAN, UiTM Cawangan Kedah telah menganjurkan Program Alumni Talk 2025 bertempat di Ruang LCE, Perpustakaan Sultan Badlishah. Program ini bertujuan merapatkan jurang antara dunia akademik dan alam pekerjaan melalui perkongsian pengalaman daripada alumni cemerlang. Kehadiran program amat menggalakkan dengan penyertaan seramai 164 orang pelajar dan staf yang hadir bagi mendapatkan pendedahan sebenar mengenai realiti dunia kerjaya.

Program ini menampilkan tiga alumni hebat yang kini memegang jawatan penting dalam sektor awam dan swasta. Sesi pertama bertajuk "Dari Kampus ke Kerjaya: Perjalanan Selepas Graduasi" menampilkan En. Mohammad Khairul Nazri bin Ghazali, Ketua Penolong Pengarah Belanjawan Negara, serta En. Isma Khairil Fitri bin Ismail, HOD Sales & Marketing, Selaman Sdn. Bhd. Kedua-dua panel berkongsi pengalaman transisi dari alam kampus ke dunia pekerjaan serta kemahiran yang diperlukan untuk berjaya. Seterusnya, sesi kedua bertajuk "Segalanya Bermula di Sini – Kampus Merbok" menampilkan En. Muhammad Ashyaraf bin Sulaiman, Penolong Pegawai Daerah di Pejabat Daerah dan Tanah Baling, yang berkongsi perjalanan kerjaya beliau bermula dari UiTM Merbok hingga berjaya dalam pentadbiran awam.

Secara keseluruhannya, Program Alumni Talk 2025 berjaya mencapai objektifnya dengan memberi inspirasi dan panduan praktikal kepada pelajar tentang persediaan menghadapi dunia pekerjaan sebenar. Program ini bukan sahaja meningkatkan motivasi pelajar, tetapi turut memperkukuh hubungan antara alumni dan institusi.

Kejayaan penganjuran ini membuktikan bahawa perkongsian pengalaman alumni mampu menjadi pemangkin semangat kepada pelajar untuk berusaha mencapai kejayaan profesional, sekaligus mengukuhkan jenama UiTM sebagai institusi yang melahirkan graduan berkualiti dan berdaya saing.

BULETIN IQRA

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
SHAH ALAM



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Perpustakaan
Tun Abdul Razak



@libraryuitm



@libraryuitm



@perpustakaanuitm



@uitmlibrary



@perpustakaanuitm

Hubungi kami:



03 5521 1704



korporatptar@uitm.edu.my



Unit Korporat dan Kolaborasi,
Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR),
UiTM Shah Alam.



library.uitm.edu.my